

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(70)
Tarikh : 14 September 2022

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA DITUTUP SEMENTARA UNTUK PENYELENGGARAAN BERJADUAL DWI-TAHUNAN PADA 9 JANUARI – 14 JANUARI 2023

Perkhidmatan funikular Bukit Bendera akan ditutup sementara untuk penyelenggaraan berjadual dwi-tahunan kali pertama bagi tahun 2023 bermula pada **9 Januari hingga 14 Januari 2023**, dan akan **beroperasi semula pada 15 Januari 2023**.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) menjalankan dua (2) penyelenggaraan berjadual utama pada setiap tahun di bawah pengawasan jurutera pengeluar funikular (Garaventa AG dari Switzerland) bagi memastikan sistem funikular berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan keselamatan yang ketat.

PBBPP juga menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan sistem funikular secara harian, mingguan dan bulanan serta pemeriksaan turut dijalankan selepas waktu operasi.

Pengunjung boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan jip yang dikendalikan oleh Persatuan Pemandu Perkhidmatan Jeep Bukit Bendera (sila hubungi 010-3671255) yang terletak di Tempat Letak Kereta Rifle Club (Taman Botani) atau menggunakan laluan mendaki untuk sampai ke puncak Bukit Bendera semasa tempoh penutupan.

PBBPP mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung di atas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Maaf di atas segala kesulitan yang dihadapi.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit perangan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

ltan@penanghill.gov.my